

TAKSONOMI REBANA MELAYU

(MALAY TAMBOURINE TAXONOMY)

Nur Hazirah & Ros Mahwati Ahmad Zakaria

Abstrak

Rebana merupakan salah satu alat muzik tradisional yang terdiri daripada kelompok warisan ketara. Instrumen ini memainkan banyak peranan di dalam cara hidup dan budaya masyarakat setempat. Permainan rebana lazimnya mengiringi alunan zikir di majlis-majlis keraian dalam kelompok masyarakat Melayu. Namun begitu, komponen atau ciri-ciri rebana Melayu dilihat masih kurang dibahaskan. Oleh itu, penelitian ini akan membahaskan tentang komponen rebana Melayu yang terhasil daripada kearifan tempatan masyarakat setempat. Hasil kajian mendapati bahawa rebana Melayu terdiri daripada dua komponen utama iaitu baloh dan belulang. Kedua-dua komponen ini pula dihasilkan dengan pelbagai saiz yang berbeza mengikut kegunaan dan tujuan penghasilannya. Hasilnya, wujud kepelbagaian jenis rebana yang terhasil daripada kreativiti masyarakat Melayu suatu ketika dahulu. Langkah pendokumentasian ini adalah penting untuk dilakukan bagi memastikan bahawa masyarakat pada masa akan datang mengetahui keunikan rebana yang mempunyai pelbagai variasi.

Kata kunci: Rebana, komponen, variasi

Abstract

The tambourine is one of traditional musical instruments that came from tangible heritage groups. This instrument plays many roles in culture and local community way of life. This musical instrument is usually played on any festive or religious occasions in the community. However, the characteristics and components of Malay tambourine are still seen less discussed. Therefore, this study will debate on Malay tambourine component that proves the wisdom of local communities in the production of traditional musical instruments. The results showed that Malay tambourine consists of two major components, "baloh" and "belulang". These two components are produced in various sizes according to the functional needs and purpose of the craftsmen. As a result, there is a diversity of instruments resulting from the creativity of the community at that time. This documentation step is important to ensure that the community in the future would understand the uniqueness of the tambourine in the future.

Keywords: *Tambourine, component, variation*

PENGENALAN

Rebana merupakan alatan gendang daripada kumpulan membranofon. Menurut Michael B Vercelli dalam Sturman (2019), sejarah alatan gendang ini dikatakan bermula sejak 30,000 tahun yang lalu.

Perkara ini menunjukkan bahawa alatan gendang telah lama digunakan sebagai salah satu alat hiburan di serata pelosok dunia. Di samping itu, alat muzik daripada keluarga membranofon menghasilkan bunyi daripada tindak balas getaran yang berlaku akibat daripada proses pukulan pada lapisan membran yang terdapat pada alat berkenaan (Campbell, Greated & Myers 2004). Alat muzik membranofon ini dimainkan menggunakan 3 kaedah utama iaitu menggunakan tangan, kayu atau pemalu pada lapisan membran atau kulit haiwan. Lapisan membran ini biasanya terdiri daripada material kulit haiwan yang diregangkan dan kemudiannya diletakkan pada lapisan atas bingkai kayu berbentuk bulat yang berfungsi sebagai resonator atau pembesar suara bagi alat muzik ini.

Ciri yang telah dinyatakan di atas telah menunjukkan bahawa rebana sememangnya diklasifikasikan di bawah keluarga membranofon. Hal ini kerana alat muzik ini sendiri diperbuat daripada kulit haiwan yang diregangkan. Antara kulit haiwan yang digunakan adalah kerbau, lembu, dan kambing. Kemudian, bingkainya pula diperbuat daripada kayu keras dengan ukuran yang tertentu dan berfungsi sebagai pembesar suara atau resonator kepada alat muzik berkenaan. Material yang digunakan pula biasanya diperoleh daripada sumber yang mudah diperoleh di sekitar kawasan penghasilan alat muzik berkenaan. Penggunaan materialnya pula turut bergantung kepada permintaan pemain rebana itu sendiri. Perkara ini juga dinyatakan oleh Mohamed Ghouse Nasuruddin (2003) yang mengumpulkan alatan muzik gendang seperti rebana, geduk, gedombak, tar, jidur, dan sebagainya. Kesemua alat ini dilihat memiliki dua ciri utama alat membranofon iaitu menggunakan kulit yang diregang dan diletakkan pada bahagian bingkai yang lazimnya berbentuk bulat.

Rebana turut terkenal di sekitar kawasan Nusantara seperti Indonesia dan Kepulauan Melayu. Hal ini kerana kawasan Nusantara suatu ketika dahulu terkenal dengan aktiviti perdagangan yang pesat. Perkara ini menyebabkan golongan pedagang asing terutamanya dari Arab telah membawa masuk alat muzik ini sebagai salah satu hiburan kepada masyarakat suatu ketika dahulu. Perkara ini dinyatakan oleh Bagus Susetyo (2010). Menurut beliau, alat muzik rebana dikatakan berasal daripada budaya arab dan mengalami proses akulturasi kesan daripada keperluan masyarakat yang ingin menghasilkan satu budaya baru yang menggabungkan ciri kesenian Islam dalam elemen hiburannya. Kemudian, alat muzik ini mengalami proses dekulturasi yang mana cara permainan dan iringan nyanyian lagu pula diubah suai bagi memenuhi keperluan masyarakat di sekitar kawasan berkenaan.

Di kawasan Kepulauan Melayu, rebana biasanya dimainkan dengan iringan nyanyian seperti zikir dan lagu-lagu yang memuji Nabi Muhammad SAW dan para sahabat. Lirik dan irama zikir yang dinyanyikan bagi mengiringi paluan rebana pula diperoleh daripada beberapa buah kitab zikir yang masih lagi digunakan sehingga ke hari ini. Sebagai contoh, paluan rebana di negeri Perak menggunakan kitab *Maulid Syaraful Anam*. Buku maulid ini dikatakan mengandungi syair yang ditulis oleh ulama dari Palembang dan isinya pula mengandungi puji-pujian kepada Allah dan Nabi Muhammad SAW (Hardika Saputra 2020). Tradisi pembacaan kitab ini di Palembang biasanya dilakukan ketika sambutan majlis tertentu seperti masuk ke rumah baru, mamperingati nabi Muhammad serta majlis keraian lainnya. Di Malaysia pula, tradisi pembacaan maulid ini lazimnya dilakukan ketika berlangsungnya majlis keraian seperti majlis cukur jambul, perkahwinan, memperingati junjungan besar, nabi Muhammad, dan sebagainya.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif. Data primer diperoleh dengan menjalankan aktiviti pemerhatian dan pengamatan turut serta. Hal ini dilakukan bagi mengenal pasti reka bentuk asli rebana warisan. Aktiviti lapangan ini dilakukan di daerah Kuala Kangsar dan dipelajari melalui Encik Mohd Sapri Bahari yang merupakan salah seorang pakar dalam penghasilan rebana yang terkenal di negeri Perak. Sesi temu bual ringkas juga dijalankan bagi mempelajari komponen yang terdapat pada rebana Melayu serta fungsinya terhadap ketahanan material dan bunyi yang dihasilkan.

Di samping itu, kaedah kepustakaan juga dilaksanakan bagi mendapatkan sumber data sekunder. Proses menganalisis beberapa jenis dokumen yang membantu penyelidikan ini dilakukan bagi mengenal pasti instrumen rebana Melayu dan komponen utamanya. Antara dokumen yang


dianalisis adalah penulisan jurnal, buku, nota penyelidikan dan sumber bergambar. Dokumen-dokumen ini lazimnya mengumpulkan sedikit sebanyak maklumat berkaitan instrumen gendang tradisional. Kepelbagaian jenis gendang Melayu dianalisis melalui segala maklumat yang terkumpul menerusi bahan bacaan ini. Proses menganalisis data menggunakan sumber bergambar pula digunakan bagi memudahkan kefahaman penyelidik terhadap rebana Melayu dan komponennya.

SEJARAH ALAT MUZIK GENDERANG VARIASI REBANA MELAYU

Menurut Curt Sachs dalam Jejak Seni dalam Sejarah Islam, sejarah alat muzik daripada kumpulan gendang bermula sejak zaman Neolitik iaitu secara tepatnya pada zaman batu awal (Febri Yulika 2016). Tambah beliau lagi, alat muzik gendang pada ketika ini hanya mempunyai satu muka sahaja. Hal ini membuktikan bahawa kewujudan gendang satu muka dipercayai mendahului gendang yang mempunyai dua muka. Gendang satu muka dari zaman Neolitik ini pula dipercayai berasal daripada kumpulan membranofon.

Pandangan ini diperkuatkan lagi dengan penemuan gendang satu muka dari zaman Logam yang dikatakan telah membuktikan ketamadunan manusia sejak 25,000 tahun dahulu (Aniza Zainudin 2019). Hal ini dibuktikan lagi dengan beberapa penemuan arkeologi iaitu cebisan gendang tembaga berkenaan di beberapa lokasi sekitar Nusantara seperti Malaysia dan Indonesia. Penemuan gendang ini kemudiannya menyebabkan wujudnya satu keterangan tidak saintifik yang telah dicetuskan oleh Robert Heine Van Geldern (1950). Menurut mereka, asal usul masyarakat Melayu berkait rapat dengan kewujudan gendang ini. Namun begitu, hujah mereka dilihat lemah kerana pandangan mereka tidak bertepatan dengan sifat sebenar masyarakat Melayu.

Sejarah kewujudan alat gendang ini kemudiannya dibuktikan lagi dengan penemuan ukiran pada dinding Candi Borobudur yang dipercayai telah dibina sejak abad ke-9 lagi seperti ditunjukkan dalam Gambar 1. Ukiran pada dinding ini menunjukkan bahawa sekumpulan pemain muzik yang sedang memainkan alat muzik daripada kumpulan gendang yang bermuka dua. Penemuan ukiran ini kemudiannya membuktikan bahawa wujudnya satu lagi gendang mempunyai reka bentuk gendang yang pernah dihasilkan oleh masyarakat terdahulu.



Gambar 1. Ukiran Alat Muzik Gendang Pada Dinding Candi Borobudur.

Sumber: Wikipedia


Ukiran alat muzik gendang bukan hanya ditemui pada dinding candi Borobudur sahaja. Malahan beberapa candi lain di sekitar Indonesia merekodkan gambaran alat muzik ini. Candi Panataran yang merekodkan pertunjukan muzik pada relief ukiran pada dinding candi berkenaan. Perkara ini dibuktikan dengan penyelidikan mengenai peranan gender dalam bidang seni melalui pemerhatian pertunjukan seni pada dinding candi berkenaan (Titi Surti Nastiti 2016). Kepelbagaian alat muzik gendang ini membuktikan kearifan masyarakat setempat dalam mencipta muzik atau

bunyian (Nur Hazirah & Ros Mahwati Ahmad Zakaria 2020) mengikut fungsi dan keperluannya dalam kelompok masyarakat masing-masing.

VARIASI REBANA MELAYU

Penulisan makalah ini adalah menjerumus kepada alat muzik rebana, iaitu gendang satu muka daripada kumpulan membranofon yang diperbuat daripada kayu keras dan kulit haiwan. Di Malaysia sendiri, terdapat pelbagai variasi rebana yang berbeza-beza mengikut fungsi dan lokasi alat muzik berkenaan dimainkan. Rebana Melayu terbahagi kepada dua kelompok utama, iaitu rebana besar dan rebana kecil. Rebana besar merujuk kepada rebana yang bersaiz besar dengan garis permukaannya dianggarkan sekitar 90 cm dan ketinggiannya pula sekitar 42.5 cm. Berat rebana besar pula boleh mencecah sehingga 108 kg. Rebana kecil pula merujuk kepada instrument genderang yang berukuran kecil, ringan dan mudah untuk dibawa ke mana-mana majlis keraian.

Nik Mustapa Nik Mohd Salleh (2009) pula membahagikan rebana kecil kepada dua kelompok yang berbeza. Beliau menyatakan bahawa jenis rebana daripada kumpulan pertama hanya memerlukan sedak yang berfungsi ketika proses penalaan bunyi sebelum memulakan persembahan. Manakala jenis rebana daripada kumpulan kedua pula memerlukan sedak dan baji atau kayu pasak yang dikatakan berfungsi sebagai '*tuning block*' bagi alat muzik ini. Rebana yang menggunakan '*tuning block*' dipercayai muncul lebih awal berbanding rebana daripada kelompok pertama (Mohd Sapri Bahari 2020).



Gambar 2. Rebana Ubi


Sumber: © Nur Hazirah & Ros Mahwati 2020

JENIS REBANA BESAR

Antara jenis genderang yang datang daripada kumpulan rebana besar adalah rebana ubi yang terkenal di Negeri Kelantan. Baluh rebana ubi diperbuat daripada batang pokok yang berukuran besar berserta belulang kerbau jantan yang lebih tinggi ketahanannya berbanding belulang lembu dan kerbau betina (Siti Haliza 2015). Di samping berfungsi sebagai penghasil rentak dalam lagu (Toh Lai Chee 2006) instrument ini juga berfungsi sebagai langkah komunikasi jarak jauh (Pravina, Mohamad Azam & YM Raja Azuan Nahar 2009). Dalam hal ini, rebana ubi akan diletakkan pada kawasan yang tinggi dan dipalu mengikut rentak tertentu bagi membawa perkhabaran kepada masyarakat setempat.


JENIS REBANA KECIL

Rebana boleh di dapati dalam pelbagai jenis dan kegunaan. Setiap rebana ini dihasilkan dengan diameter yang berbeza, namun masih menggunakan bahan atau material yang hampir serupa. Antara jenis-jenis rebana kecil yang terkenal di alam Melayu adalah rebana tar, rebana dikir barat, rebana riba, rebana perak, rebana berarak, rebana kompong, dan rebana kercing. Rebana-rebana ini lazimnya dikenali kerana mengiringi persembahan dikir atau zikir serta nyanyian keagamaan di majlis-majlis keramaian seperti berkhatan dan cukur jambul. Rebana perak merupakan antara salah satu instrumen daripada kumpulan rebana kecil yang lazim dimainkan dalam majlis-majlis ini. Rebana ini dikatakan berasal dari Tanah Arab dan kemudiannya menjadi salah satu seni persembahan hiburan baginda Sultan Perak yang sering mudik ke sungai bagi menyantuni rakyat dan golongan pedagang Arab yang datang berdagang ke Tanah Melayu suatu ketika dahulu (Noor Hidayah 2020). Rebana perak mempunyai keunikan yang tersendiri di mana ia mempunyai keanekaragaman yang berbeza daripada segi ukuran fizikal dan material pembuatannya. Hal ini kerana instrumen ini dihasilkan mengikut cita rasa penghasil dan permintaan pelanggan. Malahan, si penghasil rebana juga akan menghasilkan bunga yang berbeza dengan penghasil lainnya bagi menunjukkan identiti dan mengenal pasti hasil kerja sendiri.



Gambar 3. Rebana Perak dan Cara Permainannya
Sumber: © Nur Hazirah & Ros Mahwati 2020


Meskipun seni persembahan rebana dikenali dalam mengiringi zikir dan nyanyian keagamaan, terdapat juga jenis-jenis rebana yang mengiringi tarian. Antaranya ialah rebana dabus, rebana riba, dan rebana kercing. Rebana dabus digunakan bagi mengiringi tarian anak dabus yang terkenal di negeri Perak, manakala rebana riba pula digunakan bagi mengiringi seni persembahan main puteri. Kedua-dua rebana ini mempunyai ciri fizikal yang hampir serupa dengan rebana Melayu biasa. Namun begitu, rebana kercing mempunyai keadaan fizikal yang berbeza di mana rebana ini disertakan dengan sepasang logam nipis berbentuk bulat. Rebana kercing bukan hanya digunakan bagi mengiringi hadrah dan perarakan pengantin di utara tanah air. Alat muzik ini turut digunakan dalam tarian rebana kercing yang menggabungkan alunan zikir dan tarian dalam satu persembahan. Tarian ini terkenal di negeri Kelantan. Seni persembahan ini dikatakan terkenal di Kampung Laut, Jajahan Tumpat, Kelantan.




Gambar 4. Rebana Kercing
 Sumber: © Nur Hazirah & Ros Mahwati 2020

KOMPONEN UTAMA REBANA MELAYU

Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, alat muzik genderang atau gendang seperti rebana mempunyai dua komponen utama iaitu lapisan membran yang diregangkan dan bingkai yang lazimnya berbentuk bulat. Bagi rebana Melayu pula, terdapat beberapa komponen utama yang mencirikan sebagai rebana. Penjelasan mengenai komponen-komponen utama ini perlu dilakukan bagi mengatasi kekeliruan yang berlaku dalam masyarakat yang mana mereka kerap kali berfikir bahawa rebana adalah instrumen yang sama seperti kompang. Kefahaman yang salah ini perlulah dibetulkan supaya golongan masyarakat tidak lagi menyalah ertikan dua alat muzik genderang yang kelihatan sama ini. Berikut merupakan komponen utama yang lazimnya wujud pada rebana Melayu. Berikut merupakan ilustrasi komponen-komponen utama yang menjadi ciri utama bagi alat muzik tradisional berkenaan.



Gambar 5. Jenis Rebana dari Kelompok Pertama
 Sumber: © Nur Hazirah & Ros Mahwati 2020



Gambar 6. Jenis Rebana dari Kelompok Kedua
Sumber: © Nur Hazirah & Ros Mahwati 2020

I. Baluh/Baloh

Baluh merupakan bahagian terpenting bagi sesebuah rebana Melayu. Pada dasarnya, baluh diperbuat daripada bahan kayu keras seperti kayu nangka, cengal dan meranti. Tujuan pemilihan kayu keras dalam penghasilan rebana adalah bagi memastikan alat ini tidak mudah pecah apabila dipalu. Zinitulniza (2018) pula menghujahkan bahawa kayu halban merupakan antara kayu terbaik dalam menghasilkan baluh. Ini kerana kayu ini mempunyai serat yang tertumpu di tengah potongan kayu. Perkara ini menyebabkan baluh yang dihasilkan daripada kayu halban tidak mudah pecah. Diameter dan ketebalan rebana pula berbeza-beza mengikut jenis dan fungsi permainannya.

II. Belulang

Komponen kedua terpenting bagi alat muzik ini adalah lapisan membran yang diperbuat daripada kulit haiwan. Belulang dihasilkan daripada kulit haiwan ternakan yang mudah diperolehi oleh penghasilnya. Belulang lazimnya terhasil daripada kulit kambing atau lembu (Rejab 2002). Bukan itu sahaja, belulang kerbau juga boleh digunakan dalam penghasilan rebana. Malahan, belulang yang terhasil daripada kulit lembu dan kerbau dipercayai lebih awet dan mempunyai ketahanan yang lebih tinggi apabila dimainkan (Mohd Sapri Bahari 2020).

III. Pengikat, Rotan Peregang, Baji dan Sedak

Pengikat merupakan komponen yang mencantumkan lapisan belulang dan baluh rebana. Bahagian pengikat diperbuat daripada kepingan rotan kecil yang dijahit pada bahagian belulang berkenaan. Lapisan ini diikat dengan ketat bagi memastikan kualiti bunyi rebana menepati citarasa penghasilnya. Pada bahagian bawah rebana pula diletakkan rotan atau besi berbentuk bulat yang bersaiz sebesar jari kelingking dan berfungsi sebagai peregang. Di samping itu, baji pula diselitkan pada bahagian bawah rebana antara baluh dan rotan peregang. Sedak (lingkaran rotan) pula diletakkan di bawah lapisan belulang bagi mengelakkan berlakunya kebocoran bunyi (Naiborhu 2005). Perkara ini turut dinyatakan oleh Mohd Sapri Bahari (2020). Tambah beliau lagi, kesemua komponen ini digunakan dalam proses penalaan bunyi rebana.

Namun begitu, kumpulan rebana yang menggunakan pengikat, rotan peregang dan kayu pasak dilihat semakin jarang digunakan. Hal ini dibuktikan sendiri melalui pemerhatian pengkaji terhadap tempahan jenis rebana yang dibuat di bengkel Sentuhan Rebana Asli Warisan (SRAW) Kuala Kangsar. Menurut penghasilnya, rata-rata pelanggan yang membuat tempahan lebih memilih untuk menggunakan jenis rebana daripada kelompok pertama. Hal ini kerana rebana jenis ini lebih mudah

untuk dihasilkan. Di samping itu, proses menukar belulang yang rosak pula tidak memakan masa yang lama.

KESIMPULAN

Rebana Melayu merupakan salah satu alat muzik tradisional yang menyumbang kepada cara hidup dan kebudayaan masyarakat setempat. Kepelbagaian jenis rebana yang direka pula membuktikan kreativiti masyarakat setempat yang menghasilkan sesuatu bergantung kepada kegunaan dan tujuan persembahan. Berdasarkan penelitian ini, pengkaji berpendapat bahawa alat muzik rebana dalam kelompok masyarakat Melayu digunakan dengan beberapa tujuan utama. Antaranya ialah mengiringi alunan zikir bagi perarakan dan majlis keraian dan digunakan bagi mengiringi seni persembahan seperti tarian, dan drama tari. Perkara ini menunjukkan bahawa alat muzik rebana merupakan salah satu gendang penting yang digunakan dalam pelbagai tradisi seni persembahan warisan. Hal ini membuktikan bahawa alat muzik ini pernah memainkan banyak peranan dalam seni Islam tempatan. Kewujudan instrumen ini membuktikan apresiasi masyarakat yang sentiasa mensyukuri dan mengingati rezeki pemberian Sang Maha Pencipta. Oleh itu, wajarlah sekiranya alat muzik rebana Melayu dilestarikan untuk tatapan masyarakat pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan dibawah projek penyelidikan GGPM 2019-001 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

RUJUKAN

- Aniza Zainudin. 2019. Gendang Dongson. *myMetro*, 24 April 2019. <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/04/448200/gendang-dongson>
- Bagus Susetyo. 2010. Identifikasi Dekulturasi Sebagai Teori Perubahan kebudayaan Dalam Musik Indonesia: Kajian Proses Perubahan Rebana Menjadi Kasidah Moden di Kota Semarang. *Harmonia Journal of Arts Research and Education* 10(1):
- Campbell, M. Greated, C & Myers, A. 2004. *Musical Instruments History, Technology, & Performance of Instruments of Western Music*. New York: Oxford University Press Inc.
- Febri Yulika. 2016. *Jejak Seni Dalam Sejarah Islam*. Padang Panjang Timur: Institut Seni Indonesia Padang Panjang.
- Hardika Saputra. 2020. Kajian Naskah “Syaroful Anam” Koleksi “Kms. H. Andi Syarifudin, S.Ag. *Perpustakaan LAI Agus Salim Metro Lampung*, 21-28.
- Mohd Sapri Bahari. Rebana Perak. Temu bual, 13 Mac.
- Mohamed Ghouse Nasuruddin. 2003. *Muzik Tradisional Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naiborhu, T. 2005. Genderang Si Sibah Ensembl Musik dan Simbol Sosial Adat Masyarakat Pakpak-Dairi Di Sumatera Utara. *Etnomuzikologi* 1(1): 40-50.
- Nik Mustapha Nik Mohamad Salleh. 2009. *Alat Muzik Tradisional dalam Masyarakat Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan pelancongan Malaysia.
- Noor Hidayah Tanzizi. 2020. Jejak Seni Warisan Rebana Perak. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/santai/2020/11/748584/jejak-seni-warisan-rebana-perak> [1 November 2020].
- Nur Hazirah & Ros Mahwati Ahmad Zakaria. 2020. Pelestarian Permainan Muzik Kertuk dalam Kalangan Penduduk di Negeri Kelantan. *International Journal of The Malay World and Civilization* 8(2): 11-18.
- Pravina Manoharan. Mohamad Azam Sulong & YM Raja Azuan Nahar Raja Adnan. 2009. *HBMS4203 Muzik Tradisional*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia OUM.
- Rejab, F.I. 2002. Muzik Tradisional Satu Kajian Peralatan. *Jurnal Warisan Indera Kayangan* 14(2).
- Siti Haliza Yusop. 2015. 'Amukan' Gema Rebana Ubi. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/12/107598/amukan-gema-rebana-ubi>. [23 Disember 2015].

- Sturman, J. 2019. *The SAGE International Encyclopedia of Music and Culture*. United States of America: SAGE Publications, Inc.
- Toh, Lai Chee. 2006. Alat Muzik dan Lagu dalam Muzik Mek Mulung. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*: 69-115.
- Titi Surti Nastiti. 2016. *Perempuan Jawa Kedudukan dan Peranannya dalam Masyarakat Abad VIII-XV*. Bandung: PT Dunia Pustaka Jaya.
- Van Geldern, Robert Heine. 1950. Heyerdahl's Hypothesis of Polynesian Origins: A Criticism. *Geographical Journal* 116: 183-192.
- Zinitulniza Abdul Kadir. 2018. *Tarian Dabus Rebana & Puteri Perak: Warisan Penanda Kepahlawanan Anak Negeri*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

Nur Hazirah
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi
Selangor
Emel: p104633@siswa.ukm.edu.my

Ros Mahwati Ahmad Zakaria (Ph.D)
Ketua
Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi
Selangor
E-mel: rosmahwati@ukm.edu.my

Received : 18 November 2020
Accepted : 3 December 2020
Published : 20 December 2020